

# **Batal kontrak, kekalkan konsultan**

Strategi Felda selesaikan isu Projek Perumahan Generasi Baru Felda

AIMAN SADIQ ABDULLAH

BENTONG-Feldamengambil tindakan membatalkan kontrak kontraktor Projek Perumahan Generasi Baru Felda (PGBF) tetapi mengekalkan konsultannya demi menyelesaikan isu perumahan generasi kedua Felda yang majoriti menjadi projek gajah putih.

Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, banyak masalah PGBF disebabkan pengurusan terdahulu yang melaksanakan projek tetapi tidak menyelesaikan proses atau urusan berkaitan kerajaan negeri dan PBT.

Menurutnya, timbul beberapa masalah antaranya isu pengambilan tanah, kemudahan utiliti, kelulusan PBT dan kerajaan negeri.

“Perkara itu timbul kerana pengurusan yang terdahulu tidakmendapatkan kerjasama dengan syarikat utiliti, PBT dan kerajaan negeri kerana mereka merasakan boleh melaksanakan projek secara bersendirian, sedangkan isu berkaitan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan mana-mana projek pembangunan perlukan kelulusan PBT.

“Kita menerima hakikat bahawa perkara itu salah dan mengaku ada berlaku kesilapan, tetapi kita betulkan dengan persetujuan lembaga pengarah termasuk batalkan kontraktor, namun kekalkan konsultan supaya rekaan yang dimiliki arkitek boleh dipakai dan tidak perlu robohkan rumah terbungkalai,” katanya pada sidang media Program Preview Felda 2.0 di Felda

Lurah Bilut di sini, semalam.

Shahrir berkata, setakat ini, 17 kontraktor ditamatkan perkhidmatan untuk perumahan PGBF dan pihaknya akan menyelesaikan masalah itu satu persatu.

Mengenai perancangan tahun ini, beliau berkata, sebanyak 5,000 unit PGBF akan dilaksanakan dan diluluskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Bajet 2018.

“Felda sediakan tapak manakala Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) membina dan kini kita sedang pantau pemilihan tapak sesuai di beberapa tanah rancangan seluruh negara dan antara Felda yang dikenal pasti ialah Felda Chalok Barat dan Felda Kerteh 6,” katanya kepada *Sinar Harian*.



Shahrir merakamkan gambar kenangan berlatarbelakangkan mural peneroka sedang mengangkat sawit yang kini menjadi ikon dan kebanggaan peneroka Felda Lurah Bilut.